



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO - Santai			
TARIKH	:	24/6/2021	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	KeTSA			



DARI MUKA DE

Bagi mereka yang datang dalam bekkumpulan pula, anda boleh melakukan aktiviti seperti barbeku atau bersantai sambil menikmati angin malam. Selain itu, bagi yang sukakan cabaran, resort ini juga menyediakan aktiviti lasak seperti ATV dan 'trekking'.

Mini zoo yang memaparkan taman air dan kawasan burung juga disediakan untuk pengunjung.

Resort yang terletak 430 meter (td) dari aras Tasik Raban turut menempatkan seekor burung kakak tua dari Bolivia yang diberi nama Nickey.

Pada masa sama, jika mahu bersantai dengan bunyi dewan air terjun, Hutan Lipur Lata Kekabu adalah salah satu tempat menarik di Lenggong yang menjadi pilihan ramai.

Hutan Lipur Lata Kekabu terletak dalam kawasan Hutan Simpan Bintang Hijau dan memiliki air terjun setinggi 50m.

Kawasan hutan yang terletak sembilan kilometer dari pekan Lenggong itu sesual dikunjungi sesi keluarga.

Kawasan hutan itu bukan sahaja menarik, malah dipenuhi pelbagai spesies pokok seperti keruing, kempas, lelutong dan meranti.

Pelbagai kemudahan turut disediakan antaranya dewan, surau, tandas dan bilik mandi.

Bagi yang sukakan sejarah pula, Lenggong memiliki semilinan tapak arkeologi penting zaman Paleolitik terbesar di Asia Tenggara dan ia dikatakan berusia lebih 200,000 tahun.

Untuk itu, Galeri Arkeologi Lenggong atau dikenali sebagai Galeri Arkeologi Kota Tampan terletak di sebuah kawasan bekas ladang kelapa sawit di Kampung Kota Tampan, Mukim Temeloh wajar

TAPAK ARKEOLOGI ZAMAN PALEOLITIK

Rangka Perak Man berusia 11,000 tahun antara yang dipamerkan di Galeri Arkeologi Kota Tampan



dikunjungi.

Lokasi pembangunan galeri ini dibina berdasarkan signifikan tapak arkeologi zaman Paleolitik yang wujud 71,000 tahun dahulu.

Antara koleksi menarik yang dipamerkan ialah alat batu zaman Paleolitik, rangka Perak Man yang berusia 10,000 hingga 11,000 tahun ditemui di Gua Gunung Bantuh serta peralatan yang digunakan untuk penyelidikan arkeologi.

Selain itu, koleksi

barangan masyarakat Orang Asli dan perkaitannya dengan kehidupan manusia prasejarah, lukisan serta alat pengebumian masyarakat Neolitik Canga Gua Harimau seperti tembikar, alat batu, perhiasan diri, acuan dan kapak gangsa juga dipamerkan.

Pendek kata, semua ada di Lenggong. Apabila sekatan perjalanan renjis negeri ditarik balik kelak, lom beramai-ramai berkunjung ke Lenggong.